



Varia

Oleh
SAIFUL EZANE
MAZLAN

Pemeriksaan kepemimpinan wanita di Malaysia

KEPENTINGAN golongan wanita dalam pelbagai bidang kerja tidak dapat dipertikaikan lagi. – GAMBAR HIASAN

PADA 1 Disember 2020, Jabatan Perangkaan menerbitkan Statistik Pemeriksaan Wanita dalam Domain Terpilih di Malaysia bagi tahun 2019.

Salah satu laporan statistik tersebut adalah mengenai Indeks Jurang Gender Malaysia (MGGI) yang mengenal pasti jurang antara wanita dan lelaki dalam empat subindeks iaitu peluang dan penyertaan ekonomi, pencapaian pendidikan, kesihatan dan kehidupan serta penguasaan politik.

Laporan itu menjelaskan skor dengan nilai 1.0 (100 peratus) menunjukkan kesaksamaan antara wanita dan lelaki dicapai. MGGI menunjukkan purata skor 0.709 (70.9 peratus).

Pencapaian wanita melebihi lelaki hanya dalam subindeks pencapaian pendidikan dengan skor 1.053, manakala subindeks lain masih belum mencapai nilai 1.0.

Berpandukan skor MGGI itu, Malaysia berada di kedudukan ke-73 dalam kalangan negara-negara di dunia.

Kedudukan itu jatuh 10 anak tangga berbanding kedudukan ke-63 pada 2018.

Walaupun kita masih mendahului negara-negara seperti Brunei, China, Indonesia dan Thailand dalam kategori negara Asia Timur dan Pasifik, namun Malaysia masih di belakang Australia, New Zealand dan Singapura.

Secara kasarnya, di peringkat antarabangsa disimpulkan bahawa wanita Malaysia sedang 'mengejar' lelaki dalam pelbagai bidang utama.

Bagaimanapun, bagaimana pula dalam bidang kepimpinan?

Menurut laporan MGGI tahun 2019, penguasaan politik mencatatkan nilai terendah antara kesemua subindeks iaitu skor 0.108.

Berdasarkan petunjuk ini, sekiranya politik dirangkumkan sebagai salah satu subset kepimpinan, ia menunjukkan wanita masih jauh ketinggalan berbanding lelaki dalam jawatan menteri, Ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.

Dalam hal ini, penglibatan wanita dalam kepimpinan tidak boleh dipinggirkan lagi.

Ini kerana, jumlah wanita terlibat aktif dalam sektor pekerjaan di negara ini semakin meningkat, baik di sektor awam dan juga swasta.

Malah, dalam satu kajian pada tahun 2004 bertajuk *Women as Policy Makers: Evidence from a Randomised Policy Experiment in India* mendapati, jantina mempengaruhi dalam proses pembuatan dasar dan keputusan.

Kepimpinan daripada gender ini perlu bagi memastikan segala dasar dan perancangan berkaitan dapat dirancang dan dilaksanakan dengan berkesan.

Berdasarkan statistik suku pertama tahun 2020 Jabatan Perangkaan, tenaga buruh di negara ini terdiri daripada golongan wanita adalah sebanyak 6.16 juta atau 39 peratus.

Malaysia mungkin merupakan satu-satunya negara yang melaksanakan



DI MALAYSIA, golongan wanita masih jauh tertinggal berbanding lelaki dalam jawatan menteri. – GAMBAR HIASAN

dasar dan penetapan sasaran 30 peratus wanita dalam peringkat pembuat keputusan serta kepimpinan di sektor awam dan korporat sejak tahun 2004 lagi.

Masa depan bagi representasi yang lebih seimbang untuk wanita dalam peranan kepimpinan kelihatan semakin baik di negara ini.

Golongan lelaki hanya mencapai markah lebih baik dalam dua kompetensi kepimpinan iaitu mengembangkan perspektif strategik dan kepakaran teknikal atau profesional.

Menurut statistik sehingga tahun 2020, hanya terdapat 16 negara daripada 193 negara anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dipimpin oleh wanita.

Ketika seluruh dunia berdepan wabak Covid-19 menarik untuk diperhatikan bahawa terdapat sebilangan pemimpin

negara wanita yang menyerlah dalam menangani krisis itu.

Pemimpin-pemimpin wanita seperti Perdana Menteri New Zealand, Jacinda Ardern dan Presiden Taiwan, Tsai Ing-wen dilihat berjaya menguruskan pentadbiran negara masing-masing berdepan wabak Covid-19.

New Zealand pernah pada 8 Jun 2020 mengisytiharkan bahawa negara tersebut tiada kes jangkitan terbaharu dan aktif.

Malah, dalam tempoh hampir sebulan sehingga 26 Jun 2020, kadar kes baharu harian di negara tersebut hanyalah dalam satu angka.

Manakala Taiwan, sebuah negara berhampiran China dilihat pada awalnya bakal berdepan dengan penularan tinggi wabak berjaya membendung jangkitan kepada kurang daripada 500 kes.

Sewajarnya, kepemimpinan wanita yang telah ditunjukkan semasa krisis wabak Covid-19 hendaklah dikaji bagi membuka mata semua pihak.

Rakyat Malaysia hendaklah sedar bahawa kepentingan untuk memajukan peranan wanita dalam kepimpinan adalah bermanfaat bagi semua golongan.

Daripada satu sudut, wanita turut memainkan peranan sebagai *first level inspirators* melalui ibu kepada anak.

Jika ini diperkasa, kita bakal mempunyai generasi pemimpin pelangi yang berkualiti, tanpa mengira gender.

Malah, bukan suatu kebetulan juga bahawa majoriti guru terdiri daripada wanita.

Malaysia pastinya sukar untuk mencapai status negara maju jika kita tidak mengoptimalkan peranan rakyat tanpa mengira jantina.

Pada tahun 2020, golongan wanita seramai 15.88 juta daripada 32.69 juta orang penduduk Malaysia keseluruhannya. Secara peratusan, nilainya adalah sebanyak 48.57%.

Golongan wanita membentuk hampir separuh tenaga kerja di negara ini. Malah, tidak mahu, mereka bukan lagi minoriti.

Keperluan untuk membangunkan kemahiran-kemahiran mereka adalah penting, terutamanya dalam bidang kepimpinan.

Sempena Hari Wanita Antarabangsa yang disambut pada 8 Mac lalu, marilah kita bersama-sama memperkasakan wanita dalam kepimpinan, seiring dengan norma baharu.

SAIFUL EZANE MAZLAN ialah Perunding Latihan Kanan, Kluster Kepimpinan dan Pembangunan Eksekutif, Institut Tadbiran Awam Negara.